

Cukai kereta berpetrol akan dinaik?

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan bercadang menaikan kadar cukai yang tinggi ke atas kenderaan yang banyak menggunakan petrol tidak lama lagi bagi mengurangkan penggunaan tenaga berlebihan dalam negeri.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan demikian berkata, langkah itu terpaksa diambil memandangkan penggunaan tenaga di jalanraya lebih besar berbanding dalam bidang lain.

Oleh itu, tegas beliau, adalah lebih baik industri kereta memperbaiki injin masing-masing supaya penggunaan minyak dapat dikurangkan dari masa ke masa.

"Kerajaan memang menggalakkan kereta yang meng-

Oleh
JAMALUDDIN BAKAR

gunakan minyak," kata Datuk Seri Dr. Mahathir sewaktu merasmikan perayaan Ulangtahun ke 25 Land-Rover di sini hari ini.

Beliau menjelaskan, penggunaan kenderaan bertambah 27 peratus dalam tahun 1979 berbanding tahun 1978.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengaitkan kekurangan stesen minyak antara faktor menyebabkan kekurangan minyak, meskipun bilangan kenderaan bertambah setiap tahun.

"Stesen-steyen minyak sekarang tidak bertambah kerana syarikat minyak tidak mahu membuka cawangan baru,

ujarnya.

Oleh itu, PETRONAS terpaksa mengembangkan sayapnya di seluruh negara di masa akan datang meskipun kini, "Petronas belum lagi mampu berbuat demikian."

Mengenai bekalan minyak, berikutan peperangan antara Iran dan Iraq beliau berkata, "Saya berharap laporan akhbar yang mengatakan bekalan minyak mencukupi, memang benar."

Menurujnya lagi, "Malaysia sebagai pengeluar minyak yang kecil setakat ini tidak bercadang meningkatkan pengeluarannya di sebabkan sengketa di Telok Parsi."

Mengenai keadaan gula, beliau berkata, bekalan mencukupi dan usaha sedang dibuat untuk menandatangani perjanjian bekalan gula dengan Fiji.